



KAMBING Boer dilepaskan ke padang ragut.



PAGAR besi dipasang di sekeliling padang ragut untuk mengelakkan kambing Boer berkeliaran.

Metro 10/9/13 MSZ

nga dan didaftarkan dalam buku inventori ternakan sebelum ditimbang.

Timbangan anak kambing terbabit dilakukan sebulan sekali.

Induk kambing Boer akan 'dikahwinkan' selama dua bulan selepas anaknya dicerai susu atau di sapih.

Proses pemilihan baka kambing Boer dilaksanakan ladang ARB sepanjang tahun ketika anak kambing jantan dan betina disapih ketika berusia tiga bulan manakala yang tidak memenuhi kriteria akan ditakai.

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@mediaprima.com.my

Puas penulis memikirkan tindakan pengu- rusan Ladang Biotek- nologi Pembiakan Terkini (ARB), MARDI, Kluang, Jo- hor, melepaskan sekumpu- lan kambing dari kandang ternakan ke padang ragut kira-kira jam 10 pagi.

Mengapa pula tidak dilepaskan saja haiwan terbabit lebih awal, sekurang-ku- rangnya rumput yang diragut ketika itu lebih segar dan

menjamin kesihatan.

Akhirnya penulis men- dapat jawapan apabila di- beritahu tindakan melepas- kan kambing pada masa itu untuk memastikan haiwan itu tidak mengalami kecaci- ngan.

Dikatakan cacing halus akan naik ke hujung rumput ketika keadaan sekeliling masih berembun dan beris-iko memasuki usus kam- bing.

Itu jawapan Ketua Projek ARB, Dr Johari Jiken Abdul- lah, ketika memberikan

klaimat mengenai pen- ternakan kambing Boer di Ladang 4, ARB, Kilometer (KM) 16, Jalan Kluang-Kota Tinggi, Kluang Johor.

Pertemuan diaturkan Pegawai Tadbir Program Perhubungan Awam dan Komunikasi Korporat, Ba- hagian Urusan Korporat, MARDI, Serdang, Nur Ak- mal Hassan memberi pe- luang penulis mendapatkan ilmu mengenai penternakan kambing Boer.

Penulis bernasib baik kerana berpeluang me-

nyaksikan kawan kam- bing Boer dilepaskan ke dua kawasan padang ragut ber- dekatan pejabat urusan la- dang ARB.

Suara hoi..hoi..hoi oleh pekerja am, Azlan Shah Abd Rafi, 22, menjadi isyarat bermulanya waktu makan bagi kumpulan kambing terbabit.

Selain Azlan, rutin ha- rian di ladang itu dibantu rakan setugasnya, Mohd Nazri Mohd Nor, 39.

Bukan saja memakan rumput pastura terpilih je-

nis 'Purple Guinea' dan rumput Signal, haiwan itu diberi air minuman yang bersih.

Kambing Boer mem- punyai ketahanan tinggi terhadap penyakit dan proses pengembangannya kini dilakukan MARDI- TECH Corporation Sdn Bhd (MARDITECH) bagi membekalkan baka ke- pada ladang pengganda.

Kambing Boer yang baru dilahirkan akan di- berikan nombor penge- nalan yang di 'tag' di teli-



AZLAN Shah membantu tugas menjaga kambing Boer.

Miliki daya tahan tinggi

Kambing Boer mempunyai peratus karkus daging yang tinggi antara 40 hingga 45 peratus



KAMBING Boer betina diberikan makan rumput di kandang.

MOHD Nazri menyediakan air minuman untuk kambing Boer dilepaskan di padang ragut.



Dr Johari Jiken berkata, penilaian dan pembiakbakaan kambing Boer dimulakan pada 2002 dengan membawa masuk baka dari Melawi dan Afrika Selatan.

"Selepas tiga tahun penilaian, ia sesuai dengan iklim negara ini dan dicadangkan kepada penternak Boer sebagai baka pedaging yang baik," katanya.

Kesan kajian itu membolehkan ramai penternak membawa masuk kambing Boer ke negara ini.

"MARDI mendapati kambing Boer yang di bawa masuk dari luar negara tidak tahan penyakit di sini, termasuk cacing.

"Justeru kami memohon melaksanakan

matang jantan adalah 65 hingga 90kg dan 45 hingga 65kg bagi betina. Kadar kebuntingan induk dengan purata 82.5 peratus, manakala kenaikan berat badan (ADG) adalah 100 hingga 150 gram sehari.

Selain rumput, kambing Boer juga diberikan makan pelet khusus untuk spesies terabit atau makanan dari hampas isirung kelapa sawit (PKC), soya, jagung dan vitamin.

"Berat lahir anak kambing jantan adalah tiga hingga lima kilogram, manakala betina antara 2.5 hingga empat kilogram.

"Berat

Dr Johari Jiken berkata, pasaran daging kambing di negara ini berkongsi dengan biri-biri.

"Kandungan kolesterol biri-biri lebih tinggi daripada kambing. Jika mengalami pening sebaik memakan daging didakwa kambing, ia tidak benar kerana di pasaran banyak menjual 'mutton,'" katanya.

Tempoh usia kambing Boer yang sesuai untuk disembelih sekitar lapan bulan hingga ke setahun.

"Pembeli membabitkan golongan Arab gemar menyembelih kambing muda berusia enam bulan.

"Kambing akan mengeluarkan bau ketika berusia dua tahun kerana ketika ini haiwan itu bersedia untuk mengawan," katanya.

Sementara itu, ladang ARB juga menerima kunjungan rombongan luar termasuk murid dan pelajar sekolah bagi mempelajari semua aspek penternakan kambing Boer.



SEORANG pekerja bersiap sedia mengagihkan rumput ke kandang.

Metro 10/9/13 MS5



RUMPUT segar diberikan kepada kambing di kandang.



PELET khas untuk kambing Boer.

SEBAHAGIAN daripada
15 kandang kambing
terdapat di ladang ARB.

KAMBING Boer baka tempatan.

projek la-
dang ARB dan menge-
luarkan baka tempatan (Boer tem-
patan)," katanya.

Projek seterusnya, baka Boer
dari Afrika dan Australia untuk di-
biakbaik di negara ini.

"Program biakbaka dilaksanakan
untuk memilih anak yang
lahir di sini, terbaik dan
akhirnya jadi Boer
Malaysia.

"Itu sasaran
kami untuk
mengeluarkan
Boer yang ta-
han dengan
iklim negara
ini," katanya.

Kambing
Boer mem-
punyai peratus
karkus daging
yang tinggi antara
40 hingga 45 peratus.

TAG khas
memudahkan
mengenal pasti
identiti anak
kambing.

TAG khas dipasang pada
telinga kambing Boer.

